



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM

TEKS UCAPAN
YB NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

MAJLIS PELANCARAN
PROGRAM JIMAT AIR 4.0 – SPAN X SHOPEE

11 MAC 2023 (SABTU) I 3:00 PETANG
RUANG LEGAR ATRIUM, ARAS G, IPOH PARADE

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Wa Rahmatullahi Wa Barakatuh

YB Dato' Sri Huang Tiong Sii

Timbalan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim

YB Dato' Seri Ir. Haji Mohammad Nizar bin Jamaluddin

Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Tenaga, Air dan Pengangkutan Awam, Negeri Perak.

YB Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson

Ahli Parlimen bagi kawasan Ipoh Barat

YB Tuan Ong Boon Piow

Ahli Dewan Undangan Negeri Perak, kawasan Bercham

YBhg. Dato' Hj. Ahmad Faizal bin Abdul Rahman

Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)

YBhg. Dato' Haji Ishak bin Abd Rahman

Pengurus Besar Lembaga Air Perak

YBrs. Puan Rita Irina binti Abd Wahab

Ketua Hal Ehwal Kerajaan, Shopee Mobile Malaysia Sdn Shd

Para pegawai kementerian dan kerajaan negeri dan SPAN,

Rakan-rakan media,

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

1. Alhamdulillah, syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin dan kurniaNya, kita diberi kesempatan untuk bertemu dalam Majlis Pelancaran **Program Jimat Air 4.0 – SPAN bersama SHOPEE** pada hari ini.
2. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada **Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)** yang bekerjasama dengan **Shopee Mobile Malaysia Sdn Shd (SHOPEE)**, atas usaha untuk menganjurkan **Program Jimat Air 4.0**.
3. Sepertimana kita sedia maklum, perkhidmatan yang diberikan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) sangat rapat dengan kehidupan seharian dan sebahagiannya merupakan keperluan asas.
4. Sebagai contoh, sebaik sahaja kita bangun pagi, kita memetik suis di mana bekalan elektrik disediakan oleh TNB. Kemudian kita ke bilik air untuk memberus gigi dan mandi, di mana bekalan air dibekalkan oleh operator air yang dikawal selia oleh SPAN. Di samping itu, ada di antara kita sebelum atau selepas bersarapan pagi, perlu ke tandas yang mana kumbahan kita ini disalurkan ke loji rawatan kumbahan yang dikendalikan oleh Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK).
5. Ini menunjukkan betapa pentingnya utiliti bekalan air, perkhidmatan pembetulan dan tenaga elektrik kepada kehidupan seharian kita daripada aspek ekonomi, sosial mahupun daripada aspek penjagaan alam sekitar. Kita sebagai warganegara yang bertanggungjawab dan sebagai pengguna, bersama-sama mempunyai peranan agar semua sumber ini, khususnya bekalan air digunakan dengan berhemat demi menjamin kelestarian untuk jangka masa panjang.

6. Menurut statistik pada tahun 2021, penggunaan air domestik bagi setiap individu ialah sebanyak 251 liter sehari. Kadar penggunaan ini adalah tinggi berbanding dengan sasaran yang telah ditetapkan dalam **Pelan Kelestarian Alam Sekitar di Malaysia 2020–2030**, iaitu sebanyak **160** liter sehari untuk setiap individu menjelang tahun 2030.
7. Penjimatan sebanyak 91 liter merupakan sesuatu yang amat sukar untuk dicapai sekiranya kita tidak mempunyai kesedaran dan tidak juga memainkan peranan untuk menggunakan air secara berhemat. NRECC memandang serius mengenai isu ini dan meminta kerjasama semua pihak untuk sama-sama menggembleng usaha bagi mengurangkan kadar penggunaan air domestik ini.
8. Program Jimat Air 4.0 ini merupakan satu inisiatif SPAN di bawah kempen penggalakan penggunaan produk cekap air yang bermula dari bulan Mac 2023 hingga 31 Disember 2023. Untuk itu, SPAN telah melantik SHOPEE sebagai platform e-Dagang bagi pemberian rebat untuk pembelian produk cekap air di bawah program Jimat Air 4.0 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM100,000.
9. Syabas kepada SPAN atas usaha mempromosikan penggunaan produk cekap air kepada pengguna air di negara ini. Inisiatif SPAN ini selari dengan hasrat Kerajaan sebagaimana dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), iaitu penggunaan peralatan cekap air yang dilabelkan dengan Skim Pelabelan Produk Cekap Air (atau singkatannya WEPLS), akan dipertingkatkan kepada pengguna domestik dan industri serta premis kerajaan.

10. Malahan Kerajaan Malaysia sendiri telah meluluskan supaya penggunaan produk cekap air dilaksanakan secara mandatori melalui Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) 2014 yang telah dikuatkuasakan sejak 1 Februari 2014, di mana penggunaan urinal dan tandas dwi simbahan ialah wajib untuk pembangunan baharu.
11. Pindaan Kaedah-Kaedah ini telah dilaksanakan dan dikuatkuasakan pada 10 Mei 2021, khususnya untuk kewajipan terhadap pemasangan produk cekap air untuk pili air dan juga pancuran mandi. Inisiatif ini secara tidak langsung dapat menyumbang ke arah pengurangan penggunaan air domestik dalam sesebuah kediaman.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

12. Banyak faedah yang boleh diperolehi daripada penggunaan produk cekap air. Dalam jangka masa panjang, pengguna dapat menjimatkan bil air sehingga 50 peratus daripada jumlah bil semasa bergantung kepada kadar penggunaan.
13. Lebih dari itu, secara tidak langsung kita sebenarnya membantu menghidupkan bumi kita melalui penjimatan terhadap sumber air. Maka, akan kurangnya penebangan hutan, penggondolan bukit dan *deforestation* untuk tujuan pembinaan empangan dan sebagainya.
14. Secara umumnya, kadar penggunaan air domestik di Malaysia adalah antara yang tertinggi di Asia berbanding dengan negara jiran seperti Singapura, iaitu sebanyak 140 liter sehari.

15. Penggunaan air yang tinggi ini sekali gus memberi impak langsung kepada sumber air sedia ada dalam menampung permintaan air yang kian meningkat akibat proses urbanisasi, pertumbuhan ekonomi dan pertambahan penduduk.
16. Melalui **Program Jimat Air 4.0** yang dilaksanakan ini, ia dapat meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai produk cekap air dan menggalakkan mereka untuk menggunakannya. Saya juga berharap, pihak pembekal dapat memasarkan lebih banyak produk cekap air di pasaran agar pengguna mempunyai lebih banyak pilihan.
17. Menurut kajian yang telah dilaksanakan oleh SPAN baru-baru ini, kesedaran umum berkenaan produk cekap air adalah semakin memberangsangkan jika dibandingkan tahun-tahun sebelum ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat 69 peratus responden mengetahui tentang kewujudan produk cekap air, dan 48 peratus daripadanya telah pun menggunakan produk cekap air.
18. Oleh yang demikian, saya yakin melalui penggunaan produk cekap air beserta sikap pengguna yang lebih positif terhadap penggunaan secara bijak, negara kita pasti dapat mencapai sasaran dengan kadar penggunaan air sebanyak 160 liter menjelang tahun 2030.
19. Akhir kata, saya berharap program ini dapat mencapai objektifnya dan berjalan dengan lancar. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Program Jimat Air 4.0 – SPAN bersama SHOPEE.**

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.